Bil. (3) dlm.PWN.Sel. (P) 869/4 Jilid 3

PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR
BIL 3 TAHUN 2012

Kepada
Semua Jabatan Kerajaan Negeri,
Semua Badan Berkanun Kerajaan Negeri,
Semua Pihak Berkuasa Tempatan,
Semua Pejabat Daerah / Tanah,
Selangor Darul Ehsan.

PERWAKILAN KUASA PELUPUSAN ASET, MENGHAPUS KIRA KEHILANGAN ASET ALIH DAN SYOR PEROBOHAN BANGUNAN KERAJAAN NEGERI

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan perkara-perkara seperti berikut:-

1.1 Perwakilan kuasa Menteri Besar Selangor kepada **Pegawai Kewangan Negeri dan Pegawai Pengawal / Ketua Jabatan** bagi pelupusan aset, menghapus kira kehilangan aset alih dan syor perobohan bangunan Kerajaan Negeri yang tidak digunakan.

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Berdasarkan Seksyen 17, Akta Prosedur Kewangan 1957, kuasa bagi menghapuskira kehilangan, kekurangan wang awam dan nilai-nilai stor yang hilang, kekurangan, tidak boleh digunakan, tidak boleh diservis atau usang serta kuasa untuk meninggalkan amaun-amaun hasil, hutang dan lebihan yang tidak boleh dikembalikan lagi terletak pada kuasa Menteri Besar.

2.2 Pada masa ini, syor perobohan bangunan juga hendaklah dirujuk kepada Perbendaharaan Negeri Selangor bagi kelulusan meroboh bangunan Kerajaan Negeri yang tidak digunakan lagi.

3.0 PERATURAN BARU

3.1 Selaras dengan hasrat *"Let Manager's Manage"* dan bagi meningkatkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan, Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor telah bersetuju untuk menurunkan kuasa kepada pegawai-pegawai berikut bagi meluluskan pelupusan, menghapus kira kehilangan aset alih dan syor meroboh bangunan Kerajaan Negeri tertakluk kepada had dan nilai seperti berikut;-

3.1.1 Melupuskan Aset Alih Kerajaan

(i) Pegawai Kewangan Negeri

(a) Nilai asal perolehan aset alih **tidak lebih daripada RM200,000.00** bagi tiap-tiap barang individu atau **tidak lebih daripada RM1,000,000.00** bagi nilai agregatnya untuk semua kaedah pelupusan.

(ii) Pegawai Pengawal / Ketua Jabatan

(a) Nilai asal perolehan aset alih **tidak lebih daripada RM50,000.00** bagi tiap-tiap barang individu atau **tidak lebih daripada RM500,000.00** bagi nilai agregatnya untuk semua kaedah pelupusan.

3.1.2 Menghapus kira Kehilangan Aset Alih Kerajaan

(i) Pegawai Kewangan Negeri

(a) Nilai asal perolehan aset alih **tidak lebih daripada RM200,000.00** bagi tiap barang-barang individu atau **tidak lebih daripada RM1,000,000.00** bagi nilai agregatnya untuk semua jenis aset termasuk kehilangan yang melibatkan kecurian, penipuan atau kecuaian pegawai awam.

(ii) Pegawai Pengawal / Ketua Jabatan

(a) Nilai perolehan asal satu aset **tidak melebihi RM50,000.00** atau jumlah keseluruhannya **tidak melebihi RM500,000.00**;

(b) Pegawai Pengawal / Ketua Jabatan sebelum meluluskan apa-apa hapus kira mesti berpuashati bahawa soal kecurian, penipuan atau kecuaian tidak melibatkan pegawai awam.

(c) Sekiranya ia melibatkan kecuaian pegawai Awam dan dikenakan bayaran balik bagi harga nilai semasa Aset, kuasa Menghapuskira Kehilangan Aset yang dibenarkan **adalah tidak melebihi RM5,000.00** mengikut nilai semasa aset tersebut.

3.1.3 Merobohkan Bangunan Kerajaan Negeri yang tidak digunakan

(i) Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor **tanpa sebarang had nilai.**

3.2 Bagi maksud ini, Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan hendaklah mematuhi Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan semasa melaksanakan sebarang pelupusan dan menghapus kira Aset Alih Kerajaan.

4.0 TARIKH KUAT KUASA

4.1 Pekeliling ini berkuat kuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(DATO' NOORDIN BIN SULAIMAN)
D.P.M.S., S.I.S.
Pegawai Kewangan Negeri Selangor
Selangor Darul Ehsan.

Tarikh : 22 November 2012

Salinan kepada :

Y.A.B. Dato' Menteri Besar
Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor